

# BAHAGIAN 1

## PENGENALAN KEPADA KAJIAN

### 1.1 Pendahuluan

Kemahiran mendapatkan ilmu menjadi teras kepada literasi maklumat. Di era teknologi ini, maklumat sangat mudah diperolehi. Situasi ini memerlukan setiap individu berupaya untuk memilih, mengguna dan menilai maklumat itu. Dalam persekitaran pendidikan di Malaysia, kemahiran-kemahiran maklumat dianggap penting dalam proses pencapaian serta kematangan pelajar. Penggunaan perpustakaan sebagai pusat sumber dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan tidak dioptimumkan sepenuhnya kerana tanda aras pencapaian pelajar masih terikat dengan pencapaian dalam peperiksaan. Maklumat yang terdapat di perpustakaan tidak dapat diterokai oleh pelajar sepenuhnya dan ini menyebabkan penggunaan perpustakaan berada di tahap yang kurang memuaskan.

Literasi maklumat adalah keupayaan seseorang untuk mengklasifikasikan jenis maklumat, memproses maklumat serta menilai maklumat supaya menjadi pengetahuan yang berguna dalam proses pembelajaran mereka. Kemahiran pencarian sumber maklumat bercetak dan elektronik adalah satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh pelajar dan pensyarah untuk membantu menilai kesahihan dan kualiti bahan yang dijadikan rujukan dengan sumber rujukan di perpustakaan seperti buku dan sumber elektronik serta sumber tepat dari pencarian *Google* dan Internet. Pelajar yang mempunyai kemahiran literasi maklumat berkemahiran mencari, mengolah maklumat yang tepat dan menggunakan maklumat untuk mencapai kejayaan ke Arah Modal Insan Berpengetahuan. “Pustakawan adalah kumpulan profesional di perpustakaan yang perlu memainkan peranan dalam memberi sokongan pengajaran dan latihan kepada penyelidik dan pelajar untuk memudahkan pencarian mereka dalam kajian saintifik dan penulisan mereka.”

## **1.2 Penyataan Masalah**

Pengguna mengunjungi perpustakaan dengan tujuan untuk mencari maklumat yang relevan dengan bidang pengajian mereka. Masalah utamanya ialah untuk mengetahui apakah bahan rujukan diperpustakaan seperti buku dan sumber elektronik serta sumber tepat dari pencarian *Google* dan Internet. Pelajar yang mempunyai kemahiran literasi maklumat tahu mencari, mengolah dan menggunakan maklumat untuk mendapatkan tambahan ilmu pengetahuan. Keberkesanan kursus kemahiran literasi maklumat dapat membantu pengguna memperolehi maklumat dengan cepat, tepat dan berkesan bagi memenuhi aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Justeru itu perpustakaan perlu merealisasikan keberkesanan kursus Literasi Maklumat bertujuan mendidik kalangan pengguna untuk mendapatkan maklumat relevan dari segala sumber fizikal dan maya digunakan secara optimum oleh pelajar dan ahli akademik dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan mereka.

## **1.3 Persoalan Kajian**

- 1) Apakah tahap keberkesanan literasi maklumat di Perpustakaan UKM
- 2) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM
- 3) Apakah kesan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM kepada Pelanggan
- 4) Apakah langkah-langkah bagi meningkatkan tahap keberkesanan kursus literasi Maklumat di Perpustakaan UKM

## **1.4 Objektif Kajian**

- 1) Menentukan tahap keberkesanan literasi maklumat di Perpustakaan UKM

- 2) Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM
- 3) Meneliti kesan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM kepada Pelanggan
- 4) Mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan tahap keberkesanan kursus literasi Maklumat di Perpustakaan UKM

### **1.5 Skop Kajian**

Pengkaji akan meletakkan skop dan limitasi kajian. Ini bertujuan agar kajian ini dapat mencapai objektif yang digariskan dan realistik dari kemampuan dari sudut masa , permasalahan kajian dan hipotesis kajian . Penyelidikan ini akan tertumpu kepada pelajar-pelajar (terdiri daripada semua peringkat pengajian), pensyarah-pensyarah, kakitangan dan ahli luar yang telah mengikuti kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM Bangi sebagai responden. Skop kajian ini hanya fokus kepada limitasi modul kursus bagi menilai dimensi keberkesanan penceramah, kandungan kursus dan faktor-faktor lain yang relevan sebagai pembolehubah terhadap kajian ini.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini dijangkakan dapat memperjelaskan tentang keberkesanan dalam strategi kursus yang dijalankan, menerangkan tentang tahap keberkesanan usaha-usaha pengurusan perpustakaan mengendalikan kursus, boleh memberikan input penting kepada pihak Pengurusan Perpustakaan UKM. Natiujahnya dapat menjana idea penambahbaikan ke atas modul sedia ada supaya ia lebih mantap dan dapat memberikan kesan optimum kepada kejayaan akademik, personaliti, sahsiah dan *softskills* pelajar di masa akan datang. Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat memberi maklumat dan panduan kepada IPTA dan IPTS lain di Malaysia .

Kajian ini penting kepada pengkaji untuk menentukan tahap keberkesanan dan mengkaji faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM. Pengkaji juga berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang tahap literasi

pelajar berdasar kemahiran kognitif dan kemahiran teknikal sepanjang mereka menjalani proses pembelajaran dan penyelidikan di universiti. Dalam hal ini, pengkaji dapat mengetahui sejauh manakah tahap literasi pelajar sepanjang menuntut di universiti ini. Kajian seperti ini akan mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar dan bakal graduan terhadap kepentingan menyertai kursus-kursus literasi maklumat, penggunaan dan aplikasinya terhadap bidang kerjaya di Malaysia serta mereka dapat menyiapkan diri sebagai modal insan atau tenaga kerja yang berdaya saing di era globalisasi ini. memberi kesedaran kepada para petani tentang kepentingan yang dianjurkan Perkara ini akan menguntungkan negara Malaysia kerana kelayakan graduan yang bersaing untuk mendapat pekerjaan akan bertambah baik dan berkualiti seterusnya, memantapkan bidang pendidikan dan sektor industri lain, seiring dengan negara-negara maju.

## **1.7 Struktur Laporan**

Kertas kajian ini mengandungi enam bahagian seperti berikut:

### Bahagian 1: Pengenalan kepada Kajian

Menerangkan persekitaran pendidikan di Malaysia memerlu dan menggalakan kemahiran maklumat yang dianggap penting dalam proses pencapaian serta kematangan pelajar. Penggunaan perpustakaan sebagai pusat sumber dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dapat dioptimumkan.

### Bahagian 2: Latarbelakang kepada Organisasi

Mengenai sejarah dan latarbelakang penubuhan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan fungsi-fungsi serta objektif penubuhannya dan kejayaan yang dicapai .

### Bahagian 3: Ulasan Teori dan Penemuan Kajian Terdahulu

Menerangkan tinjauan literatur atau teori amat penting kerana ia dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan

dengan merujuk bahan-bahan literatur yang telah dikaji oleh penyelidik yang terdahulu.

#### Bahagian 4: Kaedah Kajian

Pendekatan atau kaedah kajian yang digunakan bagi memandu pengkaji . Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian kuantitatif bagi pengumpulan data menggunakan kaedah ini untuk menjawab persolan kajian melalui borang soal selidik yang telah dibentuk oleh pengkaji yang diedarkan kepada responden.

#### Bahagian 5: Analisis Kajian

Bahagian ini menunjukkan hasil kajian daripada analisis data yang telah dijalankan untuk menentukan menjawab persoalan kajian , dan membuat rumusan berasaskan tiga persoalan kajian mengenai tahap keberkesanan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM. Segala hasil data yang telah dianalisis akan ditunjukkan dalam bentuk yang mudah dibaca dan senang untuk difahami oleh pembaca,


#### Bahagian 6: Kesimpulan dan Cadangan

Membuat kesimpulan bagi ketiga-tiga objektif kajian adalah dengan merujuk semula hasil rumusan yang telah dibuat di Bahagian 5. Ini adalah penting untuk menilai samada kajian yang dilakukan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kesimpulan kajian adalah dari kefahaman pengkaji sendiri terhadap dapatan yang diperolehi di akhir kajian ini yang memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai dapatan hasil ditemui serta akan membuat beberapa saranan bagi keberkesanan kursus literasi maklumat di kalangan pelajar.

Perenggan akhir ini ini membincangkan cadangan hasil daripada kesimpulan kajian yang telah dibuat dalam perenggan 6.2 di atas. Cadangan penambakan kepada pihak-pihak berkaitan.

Carta alir ringkas bagi menyiapkan kertas kajian ini adalah seperti di dalam rajah 1.1

Rajah 1.1: Carta Alir Kertas Kajian



## BAHAGIAN 2

### LATARBELAKANG ORGANISASI

#### 2.1 Sejarah Organisasi



*Sumber: gambar fail*

Perpustakaan UKM telah ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada 18 Mei 1970 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Pada tahun 1977, perpustakaan telah berpindah ke kampus tetap di Bangi dan beroperasi di Aras 5, Bangunan Canselori, UKM. Bangunan perpustakaan di Bangi mula digunakan pada tahun 1978 dan dirasmikan oleh Almarhum DYMM Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 2 Julai 1980. Bangunan ini telah diberi nama Perpustakaan Tun Seri Lanang sempena nama seorang bangsawan dan tokoh sastera yang terkenal di Tanah Melayu pada kurun ke 16. Perpustakaan UKM terdiri daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), perpustakaan induk di kampus utama Bangi dan lima perpustakaan cabang iaitu Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (Bangi),

Perpustakaan Undang-Undang (Bangi), Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (Kuala Lumpur), Perpustakaan Pusat Perubatan UKM (Cheras) dan Perpustakaan Lingkungan Kedua (Bangi).

Organisasi Perpustakaan UKM terdiri daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Induk di kampus utama Bangi dan empat Perpustakaan Cabang iaitu Perpustakaan Undang-Undang (1985, Bangi), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (1982, Bangi), Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (1974, Kuala Lumpur) dan Perpustakaan Pusat Perubatan UKM (1997, Cheras).

## **2.2 Perkhidmatan**

- i. Menyediakan dan mengurus sumber maklumat yang berkualiti dan terkini dalam pelbagai bidang pengajian.
- ii. Menyediakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat terkini bersesuaian dengan keperluan pelanggan.
- iii. Mengutamakan pelanggan dengan memberi perkhidmatan yang cekap, tepat dan mesra.
- iv. Membantu pelanggan mengesan, mengakses dan memperoleh maklumat yang relevan.
- v. Menyediakan perkhidmatan kaunter yang cekap dan selesa kepada pelanggan

## **2.3 Pengurusan Organisasi**

Pentadbiran perpustakaan diletakkan di bawah Jawatankuasa Perpustakaan Universiti (JKPU) yang dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan. Ahli Jawatankuasa JKPU terdiri daripada wakil Senat/Fakulti. Fungsi JKPU ialah:




Bertanggungjawab kepada Senat berhubung dengan pentadbiran dan perkhidmatan perpustakaan

- Menasihati Senat tentang dasar dan pentadbiran perpustakaan
- Memperakukan peraturan perpustakaan untuk kelulusan Senat
- Bertanggungjawab terhadap peruntukan dan pengawalan perbelanjaan
- Menyediakan dan menghantar laporan tahunan kepada Senat

Perpustakaan UKM diketuai oleh seorang Ketua Pustakawan dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pustakawan Tertinggi yang mengetuai Pengurusan Pembangunan Sumber serta 3 orang Timbalan Ketua Pustakawan Kanan yang mengetuai Pengurusan Perkhidmatan, Perpustakaan Pusat Perubatan UKM (PPPUKM) dan Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (PDAL) seperti di Rajah 2.1.

**Rajah 2.1 : Carta Organisasi Perpustakaan UKM**



## **Visi**

Perpustakaan Universiti Bertaraf Dunia

## **Misi**

Menjadi sebuah perpustakaan universiti terkehadapan yang menghubungkan rangkaian maklumat dengan pelanggan bagi memenuhi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

## **Slogan**

Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat

## **Matlamat**

- Membangun, mendokumentasi dan menyelenggara sumber maklumat keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti dalam pelbagai bentuk.
- Menyedia dan mengurus perkhidmatan maklumat dan kemudahan perpustakaan yang berkualiti.
- Mewujudkan prasarana dan persekitaran fizikal yang berkualiti, teknologi maklumat serta komunikasi terkini.
- Menjadi institusi repositori yang berkesan kepada penerbitan universiti dan warganya.

## **2.4 Perjawatan**

Perpustakaan mempunyai seramai 229 orang kakitangan, terdiri daripada pegawai profesional, separa profesional dan kakitangan perlaksana seperti di Jadual 2.1.

**Jadual 2.1:** Bilangan Kakitangan Perpustakaan UKM Mengikut Gred

Jawatan	PTSL	PATMA	PUU	PL2	PDAL	PPPUKM	Jumlah
Ketua Pustakawan VU7	1						1
Pustakawan S54	1						1
Pustakawan S52	1				1	1	3
Pustakawan S48	4	1	1	1		1	8
Pustakawan S44	9				1	1	11
Pustakawan S41	21	1	2		2	4	30
Pegawai Tadbir N48	1						1
Pen. Peg. Perpustakaan S32	1						1
Pen. Peg. Perpustakaan S27			1		1	1	3
Pemb. Perpustakaan S26	1	1					2
Pemb. Perpustakaan S22	34	2	3	1	5	3	48
Pemb. Perpustakaan S17	33	3	6	4	6	12	64
Pemb. Pemuliharaan S22	1						1
Pemb. Pemuliharaan S17	9						9
Pemb. Tadbir (P/O) N17	12		1		2	3	18
Setiausaha Pejabat N27	2						2
Pemb. Setiausaha Pejabat N17	1				1		2
Pemb. Tadbir (Kewangan) W17	1						1
Juruteknik J22	2						2
Juruteknik J17	4						4
Juruteknik Komputer FT17	2						2
Pemb. Penerbitan N22	1						1
Pembantu Tadbir Rendah N11	1						1
Pembantu Am Pejabat N4	2				1		3
Pembantu Am Pejabat N1	6	1	1			2	10
<b>JUMLAH</b>	<b>151</b>	<b>9</b>	<b>15</b>	<b>6</b>	<b>20</b>	<b>28</b>	<b>229</b>

Sumber: Laporan Tahunan Perpustakaan UKM 2013

## 2.5 Prestasi Organisasi

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia menerima peruntukan sebanyak RM14.3 juta dan telah membelanjakan sebanyak RM11.1 juta. Agihan dan perbelanjaan adalah seperti di jadual 2.2

**Jadual 2.2** : Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus

Perkara	Agihan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Penggunaan %
Dasar Sedia Ada	5,000,000.00	5,061,385.49	101.20
One-off	0	0	0.00
Dana Universiti Penyelidikan	6,094,706.15	2,840,368.81	46.60
Dana Endowmen Perpustakaan	1,305,156.53	1,305,156.53	100.00
Peruntukan PPUKM	1,910,000.00	1,911,622.27	100.08
Peruntukan ATMA	0	0	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>14,309,862.68</b>	<b>11,118,533.10</b>	<b>77.70</b>

*Sumber: Laporan Tahunan Perpustakaan UKM 2013*

## **BAHAGIAN 3**

### **TINJAUAN TEORI DAN PENEMUAN KAJIAN LEPAS**

#### **3.1 Takrifan Literasi Maklumat**

Bahagian ini mengandungi definisi ringkas istilah-istilah berkaitan diikuti dengan konsep-konsep utama literasi maklumat.

Apakah maklumat? maklumat adalah satu sumber yang mempunyai berbagai-bagai definisi menurut format, dan media yang digunakan untuk mepakej atau memindahkannya, serta disiplin yang mendefinisikannya. Case (2002) menyediakan satu definisi yang lebih luas. Di sini istilah ini sinonim dengan:

- Ilmu yang terkandung
- Pengalaman manusia yang dipakej
- Satu sumber yang boleh menyediakan sejumlah data yang tidak terkira banyaknya
- Satu sumber yang mengambil format, pempakejan, media pemindahan yang berbeza-beza, dan berbagai kaedah penghantaran
- Manusia: keluarga, para sahabat, tutor, rakan pelajar
- Institusi, iaitu para profesional perkhidmatan kesihatan kebangsaan atau kemudahan-kemudahan bantuan

Definisi asas literasi adalah “dalam keadaan yang literasi (celik huruf)” menurut Chambers English Dictionary (2003). Karya rujukan ini, sebaliknya, mendefinisikan literasi sebagai “...berpelajaran; berupaya menulis dan membaca; mempunyai kemahiran di dalam atau dengan” (m.s. 1856). Dalam bahasa pendidikan, “Literasi Asas” bermakna literasi klasik atau tradisional tentang pembelajaran mengenai bagaimana untuk membaca, untuk menulis, dan untuk melakukan perkiraan dan operasi angka; literasi-literasi asas di dalam kesemua masyarakat dipelajari secara

formal dalam suasana pendidikan asas dan menengah, terutamanya sekolah-sekolah awam atau persendirian, tetapi kadangkala literasi-literasi asas ini dipelajari di rumah atau di dalam pusat-pusat komuniti.

Literasi maklumat menurut (Bahagian Teknologi Pendidikan, Pengurusan Sumber Pendidikan, (2013) adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Ia juga boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membantu membuat pemilihan dan penyelesaian masalah secara efektif. Menurut (American Library Association, 1989), seseorang yang celik maklumat ialah kebolehan untuk mengenalpasti bila maklumat diperlukan dan kebolehan untuk mengaksesnya, menilai dan mengguna dengan cara efektif untuk maklumat yang diperlukan.

Mengikut *Information Literacy Competency Standards for Higher Education* ini, seorang pelajar celik maklumat (*information literate*) berkebolehan mengenalpasti jenis dan tahap maklumat yang diperlukan, mencapai maklumat yang diperlukan dengan cekap dan berkesan, menilai maklumat dan sumbernya secara kritikal dan menerap maklumat terpilih ke dalam asas pengetahuan dan sistem nilainya, secara persendirian atau sebagai ahli kumpulan mengguna maklumat untuk mencapai matlamat tertentu dan memahami isu ekonomi, perundangan dan sosial mengenai penggunaan maklumat serta mencapai dan mengguna maklumat secara sah dan beretika.


### **3.1.1 Keberkesanan**

Menurut Fowler, H.W. (Hurry Watson) (1995) “keberkesanan bermaksud penghasilan kesan, akibat atau kesimpulan yang dihajati dari perspektif penyelidik dan pentadbir keberkesanan merujuk kepada kegunaan sepenuhnya sumber untuk meningkatkan jumlah dan mutu hasil yang dikeluarkan. Definisi keberkesanan adalah berdasarkan tahap pengukuran yang telah ditetapkan.

### 3.2 Ulasan Teori

Penguasaan kemahiran-kemahiran literasi maklumat boleh dilaksanakan melalui proses pembelajaran yang aktif. Melalui penguasaan kemahiran-kemahiran ini, pelajar akan berupaya mempertingkatkan penguasaannya terhadap sesuatu ilmu. Skop literasi maklumat bukanlah semata-mata kemahiran perpustakaan. Kemahiran perpustakaan dapat diperluaskan kepada pelbagai kemahiran maklumat dengan memasukkan unsur-unsur mengesan, memilih, mengguna, mempersembah dan menilai maklumat. Aspek literasi maklumat boleh dikuasai melalui beberapa kemahiran seperti kemahiran perpustakaan, kemahiran belajar serta kemahiran-kemahiran lain. Kemahiran-kemahiran ini dapat diterapkan kepada pelajar melalui pengajaran dan kursus kemahiran untuk menjadi pelajar yang berjaya dalam proses pembelajaran. Untuk mencapai matlamat ini, perpustakaan perlu mengubah peranan mereka kepada satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu menurut Rajah 3.1 .

Rajah 3.1: Konsep Literasi Maklumat



Tinjauan literatur amat penting kerana ia dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan dengan merujuk bahan-bahan literatur yang telah dikaji oleh penyelidik yang terdahulu.

Literasi maklumat di definisikan sebagai kemampuan untuk mengenalpasti, mencari, mengguna, menilai dan mematuhi etika penggunaan maklumat ALA (2001) dan pembangunan pesat dalam teknologi maklumat telah mengubah manusia dalam mengeksploitasi dan menggunakan maklumat dan ini menjadikan literasi maklumat sebagai kompetensi yang penting di dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan Jingxia (2002). Oleh itu, perpustakaan awam harus berubah daripada peranan sebagai pusat repositori maklumat kepada pemangkin perkongsian maklumat dan membuka peluang kepada masyarakat untuk belajar mencari maklumat Goodman (2009).

Menurut Mohd Sharif & Zainab (2002), Maimunah & Mohd Sharif (2003), yang telah membuat tinjauan program literasi maklumat di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia bagi mengetahui metodologi yang digunakan seperti kandungan kursus, penggunaan teknologi maklumat, khalayak sasaran dan objektif program yang dapat membantu dan melatih pelajar-pelajar meningkatkan kemahiran maklumat. Membuat penilaian ke atas program yang dijalankan adalah penting untuk memperolehi maklumbalas keberkesanan program, bagi perancangan masa depan dan strategi seterusnya. Penilaian setiap program perlu dilakukan dari sudut pelajar, peserta, pustakawan, pengajar dan pensyarah yang terlibat. Dalam menilai pencapaian program literasi maklumat penelitian beberapa ciri amalan terbaik seperti kenyataan misi, matlamat dan objektif, perancangan, bantuan pengurusan, kurikulum terancang, kerjasama antara pustakawan dan fakulti, pedagogi, penyebaran maklumat atau promosi perlu diambil kira. Untuk kejayaan program literasi maklumat secara menyeluruh, seperti yang dicadangkan Maimunah dan Mohd Sharif (2003) setiap perpustakaan perlu membuat penilaian berterusan dan mendokumentasikan amalan terbaik.

Perpustakaan awam adalah organisasi yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan berkeupayaan untuk merapatkan jurang antara kurang maklumat dan kaya maklumat dengan menawarkan akses Internet percuma dan menawarkan latihan untuk memperbaiki kemahiran literasi maklumat Horng-Ji Lai (2011). Hal ini disokong oleh Harding (2008) yang menyatakan bahawa perpustakaan awam adalah tempat ideal dan berkemampuan untuk mengurus perkembangan maklumat yang sentiasa bertambah dan membantu pengguna untuk belajar mencari, mengguna dan menilai maklumat. Perpustakaan awam juga memainkan peranan penting dalam



merapatkan jurang digital antara mereka yang mempunyai akses internet dan mereka yang tidak memiliki akses internet.

Masyarakat yang kurang kebolehan untuk mencari, menilai dan menggunakan maklumat secara efektif akan ketinggalan dalam aspek pekerjaan, pembelajaran sepanjang hayat, kualiti hidup dan akses kepada maklumat asas Ward (2006). Perpustakaan awam adalah salah satu jenis perpustakaan yang terlibat secara langsung dengan literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Perpustakaan awam mempunyai peranan besar untuk menjayakan literasi maklumat dan mempunyai kuasa untuk terlibat secara aktif dalam proses pembinaan pengetahuan kumpulan sasarannya dan bekerjasama dengan pihak lain yang berkepentingan (Skov, 2004).

Model Literasi Maklumat “The Big Six Skills” merupakan salah satu piawai tentang literasi maklumat yang dikeluarkan oleh Information Library Standard yang dihasilkan oleh American Association of School Librarians (AASL) yang boleh digunakan di peringkat institusi pengajian tinggi. Menurut Mohammed & Azizah (2000), pendekatan *The Big Six*<sup>TM</sup> mendapat tempat di kalangan pakar-pakar dalam bidang literasi maklumat. Eisenberg & Berkowitz (1990) menegaskan bahawa keupayaan untuk menyelesaikan masalah adalah penting kepada pelajar. The Big Six Skills ini menekankan enam kemahiran utama iaitu:

i. Definisi Tugas (*Task Definition*)

Peringkat ini menentukan masalah dan mengenal pasti keperluan maklumat dalam menyelesaikan masalah.

ii. Strategi Mencari Maklumat (*Information Seeking Strategies*)

Peringkat ini pelajar akan menentukan sumber-sumber maklumat terbaik, membina strategi pencarian maklumat dan membuat keputusan serta memilih sumber yang paling sesuai.

iii. Lokasi dan Akses (*Location and Access*)

Di sini pelajar akan mencari lokasi sumber dan mengakses maklumat.

iv. Guna Maklumat (*Use of Information*)

Peringkat ini pelajar akan membaca, mendengar, menonton dan lain-lain untuk memastikan kesesuaian maklumat itu. Maklumat yang sesuai dikenal pasti dan dikeluarkan serta digunakan secara terbaik.

v. Sintesis (*Synthesis*)

Pelajar pada peringkat ini akan menyusun maklumat secara teratur dan bersistem daripada pelbagai sumber yang dipilih tadi (menstruktur maklumat). Dan seterusnya pelajar akan mempersembahkan maklumat tadi.

vi. Penilaian (*Evaluation*)

Peringkat terakhir ini pelajar akan menilai hasil kerja terakhir (*effectiveness*) dan menilai proses kerja mereka dalam mencari maklumat itu tadi (*efficiency*). Dalam peringkat ini pelajar akan menentukan sama ada maklumat yang diperolehi menepati kehendak tugas. Mereka juga akan membuat refleksi bagaimana untuk mempertingkatkan serta menambah baik proses mencari maklumat pada masa hadapan

### **3.3 Penemuan Kajian Lepas**

Melalui kajian yang di lakukan ini, penyelidik mengenalpasti beberapa kajian lepas di antara kajian yang diperolehi adalah hasil kajian daripada;

Literasi maklumat atau "Celik Maklumat" dapat membantu di dalam semua proses pembelajaran pelajar dan kebolehan berfikiran kritikal melalui pengetahuan menggunakan sumber perpustakaan yang diajarkan. Terdapat keperluan untuk mengkoordinasi sumber perpustakaan awam dan sekolah untuk kegunaan semua pelajar melalui perancangan kerjasama di antara Pustakawan dan Guru, begitu juga sokongan terhadap pembangunan kemahiran "Celik Maklumat" supaya berkeupayaan mencapai konsep pembelajaran sendiri dan seumur hidup, Raja Yaacob dan Samsuri (2003).

Kebanyakan dari keperluan maklumat pelajar adalah untuk menyelesaikan tugas, membuat persediaan untuk diskusi semasa kuliah, persediaan untuk membenteng kertas kerja di seminar, bengkel, konferens, dan juga untuk menyiapkan kertas

penyelidikan mereka. Pelajar sering rasa tidak selesa untuk ke perpustakaan mencari bahan kerana kekurangan kemahiran maklumat (Kakai, Odongo & Bukenya, 2004).

Dapatan kajian oleh Mellon (1986) juga adalah serupa, di mana pelajar merasa tidak selesa, atau takut untuk ke perpustakaan. Persepsi pelajar terhadap perpustakaan dan juga perkhidmatan yang ditawarkan boleh menjadi faktor halangan bagi mereka untuk ke perpustakaan. Taylor (1990) berkata, apabila keperluan maklumat pelajar tidak dapat dipenuhi, misalnya bahan yang dicari tidak berada di rak atau kerana kekurangan kemahiran pelajar itu sendiri, maka satu masalah telah wujud.

Kajian yang di jalankan oleh Zondi (1992); Kamanda (1999); dan Ssendikawa (1996) mendapati bahawa pelajar tidak menggunakan perkhidmatan perpustakaan secara maksimum. Dapatan menunjukkan bahawa kemahiran maklumat pelajar-pelajar adalah ditahap yang rendah dan perlu diberi perhatian. Menurut Chapman (2002) pelajar sering tidak dapat membuat keputusan yang baik mengenai kualiti dan keberkaitan maklumat yang diperlukan. Ini merupakan masalah kepada kebanyakan pengguna. Griffiths (2003), juga berpendapat pelajar tidak berkemahiran menilai kualiti maklumat yang diperolehi, lebih-lebih lagi maklumat di atas talian. Beliau berpendapat pelajar sering keliru mengenai erti sebenar kualiti penerbitan siswa. Dari perspektif ini, maka adalah penting bagi pelajar diperkenalkan bagaimana untuk mencari dan menilai maklumat atas talian secara efektif.

Hirsh (1999) menyatakan kehendak maklumat seseorang boleh dipenuhi dengan sumber seperti: bibliografi rekod, mencari sepintas lalu di perpustakaan, bacaan kulit buku, tajuk buku, isi kandungan dan indek. Maklumat atas talian walaupun ianya senang untuk diperolehi, namun ada sebilangan pengguna maklumat yang takut menggunakannya. Spacey, Goulding & Murray (2003) berkata kebimbangan pengguna adalah kerana mereka merasakan tidak dapat bergerak seiring dengan perkembangan teknologi.

## **BAHAGIAN 4**

### **KAEDAH KAJIAN**

#### **4.1 Takrif Kaedah Kajian**

Dalam setiap kajian, kaedah yang digunakan adalah sangat penting untuk menentukan ketepatan kajian yang dilakukan bagi menjawab persoalan kajian. Pelbagai takrifan telah dibuat oleh para penyelidik terhadap kaedah kajian .

Cohen dan Manion (1996) mentakrifkan kaedah kajian sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data . Kaedah mesti sempurna dan pengkaji mampu menggunakan metodologi yang ditulis. Ianya merupakan satu prosedur yang sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data sealiran dengan peraturan sendiri bagi mencapai objektif kajian. Metodologi adalah tatapan cara pengkaji mesti pandai memilih metodologi yang sesuai untuk kajian.

Maksud kaedah kajian dalam Oxford Compact English Dictionary (2007) ialah siasatan yang sistematik ke dalam kajian bahan, sumber dan mewujudkan fakta untuk mencapai kesimpulan baru. Secara ringkasnya, kajian didefinisikan sebagai satu pencarian yang sistematik terhadap maklumat serta satu proses penyelidikan Graziano dan Raulin (1996).

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Brew (2001) ada menyenaraikan beberapa definisi yang dirasakan bertepatan dengan maksud kajian itu sendiri. Antaranya ialah kajian adalah pencarian sesuatu dan menyebarkannya kepada umum, kajian melengkapkan cara penghasilan, pengujian dan pengesahan ilmu. Kajian adalah mengenai ilmu lanjutan dan pemahaman. Kajian merupakan satu proses sistematik kepentingan umumnya yang mana menyumbang kepada himpunan ilmu yang membentuk serta memandu bidang akademik dan juga praktis .

## **4.2 Pendekatan dan Jenis Kajian**

Terdapat dua pendekatan kajian yang signifikan adalah campuran kajian kuantitatif dan kualitatif.

Pendekatan kajian kuantitatif adalah pengumpulan data menggunakan kaedah menjawab persolan kajian melalui borang soal selidik yang telah dibentuk oleh pengkaji yang diedarkan kepada responden.

Pendekatan kualitatif adalah sebagai suatu kaedah pengumpulan data melalui temubual keatas responden. Teknik temubual mampu meneroka soalan kajian dengan mendalam. Data yang diperolehi tidak terbatas kepada arahan soalan kerana ianya tidak berstruktur dan responden bebas menokok tambah jawapan mereka. Maklumat yang diperolehi daripada responden adalah bersifat langsung kerana diperolehi semasa pertemuan antara pengkaji dan responden. Temubual juga sangat praktikal digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil Mohd Majid (1998). .

Terdapat tiga jenis kajian utama , iaitu eksplorasi yang bersifat lebih meluas dan baik dalam kajian adalah signifikan dengan jenis diskriptif menerangkan fenomena yang berlaku dalam melaksanakan sesuatu perkara dan jenis penjelasan yang menyatakan sebab terjadinya sesuatu perkara terjadinya masalah.

## **4.3 Sumber Data**

### **4.3.1 Data Primer**

Data primer adalah data asli yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji melalui borang soal selidik dan temubual dengan responden yang mewakili jumlah populasi sebenar .

### **4.3.2 Data Sekunder**

Data sekunder adalah data sedia ada yang telah dikumpul oleh penyelidik terdahulu. Data adalah data yang diperolehi daripada data yang telah diterbitkan buku, majalah, kertas seminar, keratan akhbar, jurnal, kertas laporan, kertas kerja, dan lain-lain lagi. Bahan-bahan ini perlu bagi mengukuhkan lagi asas kaedah yang dijalankan dalam kajian ini.

## **4.4 Kaedah yang Digunakan dalam Kajian ini**

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk deskriptif. Reka bentuk deskriptif dipilih bertujuan untuk menerangkan fenomena yang berlaku dalam pelaksanaan dan keberkesanan modul pengajaran kursus literasi maklumat yang dilaksanakan di Perpustakaan UKM. Kajian keberkesanan ini dilakukan menggunakan data sekunder dan primer yang merangkumi penggunaan modul kursus yang dijalankan. Analisis ini perlu dibuat bagi merumuskan pembolehubah yang baik dan berkesan.

Data diperolehi dan dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif, kemudian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah yang digunakan adalah kaedah purata peratusan yang sesuai dengan objektif dan skop kajian. Jadual dan rajah akan digunakan bagi menggambarkan dan mentafsir data-data ini. Pengkaji menggunakan borang soal selidik soalan tertutup berbentuk skala “*linkert*” dengan alternatif jawapan mengikut skala variasi skor satu hingga lima dimana responden perlu memilih jawapan menepati ekspektasi mereka.

Borang selidik yang direkabentuk menurut bahagian dan kategori maklumat abjad seperti Bahagian A: Maklumat responden; Bahagian B: Soalan-soalan yang berkaitan dengan menilai kefahaman, kebolehan dan kemahiran literasi responden berdasarkan modul yang telah digunakan kemahiran literasi dalam Bahagian C: maklumat pengajaran tanggapan terhadap literasi maklumat; dan masalah penerapan literasi maklumat

#### **4.4.1 Populasi dan persampelan**

Populasi ialah kajian terdiri daripada pelajar pra-siswazah, pelajar pasca siswazah, kakitangan akademik, kakitangan pengurusan dan pelaksana dengan menilai kefahaman, kebolehan dan kemahiran responden berdasarkan modul yang telah digunakan bagi menentukan keberkesanan kursus literasi maklumat dikalangan pengguna.

#### **4.4.2 Kajian rintis**

Objektif kajian perlu dikenalpasti untuk memastikan maklumat yang diperolehi menepati objektif kajian. Ini kerana objektif kajian adalah garis panduan yang memandu pengkaji dalam proses merangka soalan soal selidik yang dapat memandu responden menjawab soalan dengan konsisten, Soalan yang dibentuk adalah sistematik, jelas berkualiti dan pengkaji memastikan responden berupaya menjawab dengan baik. Dalam kajian ini soalan soal selidik merupakan soalan yang disediakan melalui kajian rintis untuk menguji kefahaman responden terhadap soalan dan jawapan terdiri daripada lima responden pelajar yang telah mengikuti kursus literasi maklumat oleh pengkaji. Daripada kajian rintis didapati responden faham dan jelas dengan soalan yang di rangka.

#### **4.5 Kekangan Kajian**

Masa merupakan kekangan utama kerana masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan kajian ini adalah terhad, iaitu lebih kurang tiga bulan. Dalam tempoh yang singkat ini, pengkaji perlu mempelajari penggunaan perisian SPSS, mengkaji tentang teknik yang digunakan dan pada masa yang sama menjalankan kajian untuk mendapatkan data sekunder dan primer secara berkesan. Bagaimanapun data yang diperolehi adalah mewakili responden sebenar dan mengikut proses-proses kajian yang ditetapkan bagi menginterpretasikan fakta-fakta, teori-teori dan data-data yang diperolehi. Tempoh masa kajian ini dijalankan adalah pendek, kekangan masa ini merupakan faktor-faktor yang membataskan kajian ini bagi mengumpul data mengikut kategori responden yang lebih luas.

## **BAHAGIAN 5**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bahagian yang kelima ini menunjukkan hasil kajian daripada analisis yang telah dijalankan untuk menentukan tahap keberkesanan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM. Segala hasil data yang telah dianalisis akan ditunjukkan dalam bentuk yang mudah dibaca dan senang untuk difahami oleh pembaca,

Dalam kajian yang dijalankan, dapatan kajian sangat memainkan peranan yang penting kerana segala dapatan kajian akan ditunjukkan dalam bahagian ini dapat menjawab segala objektif kajian dalam bahagian yang pertama.

Data yang dikumpul telah dianalisis berdasarkan susunan modul kursus dan setiap dapatan kajian dibuat penjelasan dan perbandingan mengikut;

- Modul 1 : Kursus Kemahiran Maklumat Mengikut Sumber
- Modul 2: Kursus Kemahiran Maklumat Mengikut Bidang
- Modul 3 : Kursus Kemahiran Maklumat Mengikut Permintaan
- Modul 4 : Kursus Kemahiran Maklumat Mengikut Koleksi

Kriteria penilaian keberkesanan Kursus Literasi Kemahiran Maklumat dikategorikan kepada enam perkara ;

Perkara 1 : Pandangan dan tanggapan terhadap kursus

Perkara 2 : Kandungan kursus

Perkara 3 : Pengurusan kursus

Perkara 4 : Penceramah kursus

Perkara 5 : Tahap pengetahuan

Perkara 6 : Aplikasi pengetahuan



Semua responden yang telah mengikuti kursus/bengkel akan mengisi Borang Penilaian kursus dengan membuat penilaian melalui pilihan skala 1 hingga 5 yang memberikan skor seperti berikut:

- 1 : Amat kurang baik
- 2 : Kurang baik
- 3 : Sederhana
- 4 : Baik
- 5 : Amat baik

Analisis penilaian dibuat dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 17* dan berdasarkan purata peratus yang diperolehi bagi kursus yang telah dijalankan . Kajian ini dijalankan selama tiga bulan (Jun - September 2014). Analisis akan dirumuskan berdasarkan andaian-andaian berikut :

- a. Responden yang menjawab skala 5 (Amat Baik) dan skala 4 (Baik) dirumuskan sebagai telah mencapai kepuasan pelanggan.
- b. Peserta yang menjawab skala 3 (sederhana) dirumuskan kepuasan yang dicapai adalah sederhana.
- c. Peserta yang menjawab skala 2 (Kurang Baik) dan skala 1 (Amat Kurang) dirumuskan kurang berpuas hati/ kurang baik.

Secara keseluruhannya, peserta dianggap telah berpuas hati dengan kursus kemahiran maklumat yang dijalankan sekiranya mencapai sekurang - kurangnya 80% kepuasan atau keberkesanan kursus.

## **5.2 Analisis Data Sekunder**

Data sekunder adalah data sedia ada yang diperolehi daripada rekod Unit Pembangunan Maklumat Perpustakaan UKM yang diperolehi bagi tiga tahun bermula tahun 2011, 2012 dan 2013 yang digunakan pengkaji membuat analisis perbandingan dan pengujian berdasarkan penilaian keberkesanan objektif kursus


kemahiran bagi menilai tahap keberkesanan literasi maklumat dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan di Perpustakaan UKM. Analisis data keberkesanan kursus literasi maklumat hanya dibuat ke atas modul 2,3 dan 4 sahaja kerana Modul 1 tidak di analisis.

Jadual 5.1 menunjukkan seramai 7,005 responden telah mengikuti kursus literasi kemahiran maklumat bagi tempoh tiga tahun di Perpustakaan UKM yang mencatatkan peningkatan 24 (1.06%) daripada 2,263 peserta pada tahun 2011 kepada 2,287 pada 2012 dan terus meningkat lagi seramai 168 (7.3%) peserta tahun 2013 kepada 2,444 responden. Ini jelas peningkatan jumlah responden mengikuti kursus ini dalam tempoh dua tahun berturut menunjukkan tren dan tahap keberkesanan literasi maklumat di Perpustakaan UKM.

Jadual 5.1: Responden Mengikut Tahun

Tahun	Jumlah Responden
2011	2,263
2012	2287
2013	2,455
<b>Jumlah</b>	<b>7,005</b>

Rajah 5.1 menerangkan purata peratusan penilaian responden ke atas Perkara 1: Pandangan dan Tanggapan Terhadap Kursus yang membentuk tiga objektif kursus (rujuk petunjuk) sepanjang tiga tahun 2011-2013, secara keseluruhan purata peratusan yang dicapai adalah 92.7% menyatakan responden bersetuju faktor-faktor yang mempengaruhi literasi maklumat di Perpustakaan UKM dan berpotensi untuk mencapai tahap yang lebih baik lagi.



### **Petunjuk:**

Objektif 1 : Memberi pendedahan kepada pelanggan tentang kepelbagaian sumber maklumat yang mempunyai cara-cara pencapaian dan pencarian yang berbeza.

Objektif 2 : Membina kemahiran mengakses dan menilai sumber maklumat yang diperlukan.

Objektif 3 : menggunakan perisian bibliografi Endnote

Jadual 5.2: menunjukkan skala penilaian yang mencatatkan peningkatan purata peratusan sepanjang tiga tahun kursus dijalankan.

Jadual 5.2: Kandungan kursus

Skala	2011		2012		2013	
	Kandungan %	Amali %	Kandungan %	Amali %	Kandungan %	Amali %
1: Amat Kurang Baik	0.3	0.3	0.1	0.0	0.1	0.1
2: Kurang Baik	0.4	1.3	0.1	0.6	0.2	0.4
3: Sederhana	6.3	9.4	4.4	5.6	3.9	5.8
4: Baik	50.9	45.8	46.7	43.1	43.4	39.1
5: Amat Baik	42.1	43.2	48.5	50.7	52.4	54.6
<b>Peratus purata</b>	<b>93.0</b>	<b>89.0</b>	<b>95.2</b>	<b>93.8</b>	<b>95.8</b>	<b>93.7</b>

Jadual 5.3: adalah analisis purata peratusan perbandingan sepanjang tiga tahun yang menyatakan 94.6% atau 6,627 daripada 7,005 responden bersetuju dengan keberkesanan kandungan kursus manakala amali mencapai 92.17% atau 6,456 responden. Data ini menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM.

Jadual 5.3: Analisis Purata Peratusan Kandungan Kursus

Perkara	Peratusan Purata			<b>Purata Peratus Keseluruhan</b>
	2011	2012	2013	
Kandungan	93.0	95.2	95.8	<b>94.6</b>
Amali	89.0	93.8	93.7	<b>92.17</b>

Jadual 5.4 menunjukkan 6,150 (87.80%) responden menyatakan pengurusan kursus sepanjang tempoh 2011-2013 adalah berkesan dan berada pada tahap 80% . Secara keseluruhannya, peserta dianggap telah berpuas hati dengan kursus kemahiran maklumat yang dijalankan Perpuustakaan UKM sekiranya mencapai sekurang - kurangnya 80% kepuasan dan menunjukkan purata peratusan peningkatan sebanyak 3-5% dalam dua tahun berturut ini menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM.

Jadual 5.4: Pengurusan Kursus

Perkara	Peratusan Purata			Purata Peratus keseluruhan mengikut perkara
	2011	2012	2013	
Tempoh masa mencukupi	81.5	86.2	81.1	<b>83.0</b>
Bahan kursus mencukupi	81.5	84.3	84.0	<b>83.26</b>
Bilik makmal dan peralatan	86.2	92.1	93.1	<b>90.46</b>
Pengendalian Kursus	91.9	95.4	96.2	<b>94.5</b>
Purata peratus keseluruhan tahun dan perkara				<b>87.80</b>

Jadual 5.5: Penceramah Kursus merangkumi empat perkara yang dianalisis sepanjang tahun daripada 2011 hingga 2013, data yang diperolehi menunjukkan peningkatan yang konsisten berbanding tahun 2011 atas kadar purata 12% atau (840) dalam dua tahun berturut. Data ini jelas menunjukkan 87.80% atau 6,150 daripada 7,005 responden bersetuju menyatakan bahawa penceramah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi pada tahun 2013 lebih tinggi daripada 2012 berbanding 2011 . Seterus perkara lain menunjukkan peningkatan purata peratusan yang konsisten pada kadar 12.20% berbanding tahun 2011 menunjukkan tren peningkatan tahap keberkesanan literasi maklumat di Perpustakaan UKM.

Jadual 5.5: Penceramah Kursus

Perkara	Peratusan Purata			Peningkatan Penurunan	
	2011	2012	2013	2012	2013
Interaksi dengan peserta	81.5	94.4	95.9	<b>+12.9</b>	<b>+14.4</b>
Kesediaan menerima dan bertindak atas maklum balas	81.5	95.9	96.2	<b>+14.4</b>	<b>+14.7</b>
Cara penyampaian mudah difahami dan berkesan	86.2	94.9	96.8	<b>+8.7</b>	<b>+10.6</b>
Berpengetahuan tinggi	91.9	95.9	97.2	<b>+4.0</b>	<b>+5.3</b>
<b>Purata peratus mengikut campuran tahun dan perkara</b>	<b>85.27</b>	<b>95.27</b>	<b>98.32</b>		

Jadual 5.6 : menunjukkan tahap kemahiran maklumat responden sepanjang tahun 2011-2013 daripada 18.9% purata peratusan baik (sebelum mengikuti kursus) meningkat kepada 94.1 % baik (selepas mengikuti kursus). Peningkatan sebanyak 72.2% purata peratusan sepanjang tiga tahun menunjukkan kesan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM kepada pelanggan .

Jadual 5.6: Perkara 5: Tahap Kemahiran

Perkara	Peratusan			Purata %
	2011	2012	2013	2011-13
Sebelum kursus	15.9	21.4	19.4	18.9
Selepas kursus	92.8	94.9	94.5	94.1
Peningkatan Tahap pengetahuan	76.9	73.5	75.1	72.2

Jadual 5.6 menunjukkan 96.3% responden menyatakan kursus yang diikuti memberi faedah kepada pembelajaran dan 9.4% responden menyatakan dapat meningkatkan kemahiran dan minat mereka. Secara keseluruhan tahap pengetahuan responden berada pada tahap yang melepasi sasaran 80% membuktikan kursus literasi maklumat di Perpustakaan UKM memberi kesan kepada pelanggan.

Jadual 5.7: Perkara 6: Tahap Pengetahuan

Perkara	Peratusan			Purata %
	2011	2012	2013	2011-13
Berfaedah kepada pembelajaran	95.4	96.8	96.9	96.3
Meningkatkan kemahiran dan minat	94.6	94.9	96.8	95.4

### 5.3 Analisis Data Primer


Analisis Data Primer yang dikumpulkan sendiri oleh pengkaji melalui kaedah kaji selidik melalui borang soal selidik kajian tahap keberkesanan kursus literasi maklumat yang diedarkan oleh pengkaji kepada seramai 200 responden dalam bulan September 2014 yang pernah mengikuti kursus literasi maklumat yang mewakili jumlah populasi sebenar. Pengkaji merekod, menganalisis, membuat kupasan dan membenteng fakta dalam bentuk laporan

## Penganalisaan Data

Data dianalisis dengan mendapatkan purata responden bagi kepentingan dan prestasi bagi setiap pernyataan. Nilai purata peratusan dikira secara keseluruhan kategori responden (untuk mendapatkan maklumbalas keseluruhan), Perbezaan (*gaps*) dikira dengan menolak nilai kepentingan dengan prestasi. Menurut kaedah *Rodski*, perbezaan ini digunakan sebagai tanda aras bagi menentukan pernyataan yang perlu diberi perhatian di dalam keputusan. Pernyataan yang mempunyai perbezaan bernilai sama atau lebih daripada satu adalah pernyataan yang dianggap kritikal.

## Statistik Responden


Rajah 5.7 menunjukkan 129 maklumbalas daripada 200 responden telah berjaya dikumpulkan atau 65% daripada maklumbalas diperolehi merangkumi semua data maklumat daripada borang soal selidik terdiri daripada 75 pelajar prasiswazah, 45 pasca siswazah, enam ahli akademik, empat kakitangan dan satu ahli luar.




Dari analisis yang dilakukan didapati bahawa 95% atau 122 responden amat bersetuju dan menyatakan kepakaran dan pengetahuan penceramah menepati ekspektasi responden sebagaimana diperincikan dalam borang selidik oleh pengkaji seperti yang dijelaskan dalam Rajah 5.8. Dapatan kajian ini adalah selari dengan

analisis daripada data sekunder yang menunjukkan tahap keberkesanan literasi maklumat terletak kepada kebolehpayaan penceramah yang berpengetahuan didalam bidang perkara, kemahiran komunikasi, kemampuan untuk menyampaikan maklumat, kesediaan menerima dan bertindak atas maklum balas . Penceramah adalah berada ditahap yang tinggi. Kenyataan ini telah menjawab objektif yang pertama iaitu menentukan keberkesanan literasi maklumat di dalam Bahagian 1.


Rajah 5.8 : Kepakaran dan ciri-ciri penceramah



Rajah 5.9 Analisis kajian mendapati 82% atau 106 responden bersetuju Modul kursus membantu kemahiran kepada responden untuk mengenali sumber maklumat, mencari maklumat, mengesan dari pelbagai sumber teknologi maklumat bagi memenuhi tugas pengajaran , pembelajaran dan penyelidikan. Peranan Perpustakaan dan keperluan responden untuk mencari sumber dalam membuat tugas adalah faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat diperpustakaan kepada pelanggan . Kenyataan ini telah menjawab objektif yang pertama iaitu mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi literasi maklumat di dalam Bahagian 1.



Rajah 5.10 Analisis mendapati 93% atau 120 responden menguasai kefahaman dan berkeupayaan mengaplikasi literasi maklumat daripada modul kursus ini yang memberi manfaat kepada responden sebagai panduan bagaimana untuk menilai ketepatan dan kebolehpercayaan serta mengurus dan mengolah sumber maklumat bagi penyelesaian masalah secara efektif.





## 5.4 Rumusan

Dalam bahagian ini, penyelidik menggariskan rumusan yang dapat menjawab tiga persoalan kajian berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang telah dibuat; hasil kajian yang terperinci telah dihuraikan oleh pengkaji dalam bentuk gambar rajah, serta jadual dalam bentuk yang mudah dibaca dan senang untuk difahami oleh pembaca. Analisis yang dijalankan adalah tertumpu kepada tahap pengetahuan responden sebelum dan selepas penglibatan dalam kursus, menilai tahap kefahaman terhadap kemahiran responden mengenali sumber maklumat, mencari maklumat, mengesan dari pelbagai sumber teknologi maklumat bagi memenuhi tugas pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Kajian ini mendapati bahawa tahap keberkesanan literasi maklumat adalah elemen penting kepada kejayaan kursus ini. Kepakaran dan ciri-ciri penceramah mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang perkara, kemahiran komunikasi, kemampuan menyampaikan maklumat dan kesediaan menerima dan bertindak segera atas maklum balas adalah penentu tahap keberkesanan literasi maklumat di Perpustakaan UKM. Hipotesis ini dapat dibuktikan dalam maklumat data sekunder yang menunjukkan jumlah penyertaan seramai 7,005 bagi tempoh tiga tahun 2011-2013 atau 2,335 purata setahun berbanding jumlah pengambil pelajar setahun pada purata 3500 pelajar ini menunjukkan seramai 66.71% berminat mengikuti kursus ini.

Persoalan kajian kedua dan ketiga adalah bagi menjawab faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat dan kesan literasi maklumat kepada pengguna, kajian mendapati kedua persoalan ini mempunyai kaitan dengan jawapan yang sama adalah didorong oleh keperluan mendapatkan sumber maklumat bagi menyiapkan tugas pembelajaran dan penyelidikan daripada pelbagai sumber maklumat yang perlu dipelajari. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran maklumat pelajar-pelajar adalah ditahap yang rendah sebelum mengikuti kursus iaitu 18.9% mengikut purata peratusan dan selepas mengikuti kursus purata peratusan telah meningkat kepada 72.2% menjadikannya jumlahnya 91.9%. Menurut Chapman (2002) pelajar sering tidak dapat membuat keputusan yang baik mengenai kualiti dan keberkaitan maklumat yang diperlukan. Ini merupakan masalah kepada

kebanyakan pengguna.Griffiths (2003), juga berpendapat pelajar tidak berkemahiran menilai kualiti maklumat yang diperolehi, lebih-lebih lagi maklumat di atas talian. Beliau berpendapat pelajar sering keliru mengenai erti sebenar kualiti penerbitan siswa. Dari perspektif ini, maka adalah penting bagi pelajar diperkenalkan bagaimana untuk mencari dan menilai maklumat atas talian secara efektif. Selain daripada itu masa yang fleksibel dan kemudahan yang disediakan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Dengan kemudahan ini secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada pelajar dan mempengaruhi pengguna mengikuti kursus ini..

Peranan Perpustakaan untuk memnuhi ekspektasi keperluan responden dan ciri-ciri seorang penyampai kursus adalah faktor-faktor yang mempengaruhi kursus literasi maklumat diperpustakaan kepada pelanggan. Analisis dari kajian ini mendapati majoriti pengguna menguasai kebolehan mengaplikasikan sumber maklumat, mengenali, mencari maklumat, mengesan dari pelbagai sumber dan teknologi maklumat bagi memenuhi tugas pengajaran , pembelajaran dan penyelidikan didapati secara keseluruhannya adalah relevan. Keberkesanannya dapat dibuktikan melalui purata peratusan data soal selidik yang menunjukkan 93% responden bersetuju peranan modul literasi maklumat dapat memberi sumbangan positif dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman pengguna mengaplika kepelbagaian teknik pencarian dikalangan penggunanya dalam pembelajaran, penyelidikan dan pengajaran mereka. Akhirnya kursus ini perlu dipertingkatkan keberkesanan melalui penambahbaikan modul dengan membuat kajian lanjut.

## **BAHAGIAN 6**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pendahuluan**

Bahagian yang terakhir ini membincangkan rumusan dan cadangan terhadap kajian yang telah dijalankan. Bahagian ini akan memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan membuat kesimpulan tentang dapatan kajian serta akan membuat beberapa saranan bagi meningkatkan lagi keberkesanan terhadap kursus literasi maklumat di kalangan pelajar. Di bahagian yang terakhir cadangan bagi kajian yang akan datang juga turut disediakan.

#### **6.2 Kesimpulan**

Kesimpulan bagi ketiga-tiga objektif kajian adalah dengan merujuk semula hasil rumusan yang telah dibuat di Bahagian 5. Ini adalah penting untuk menilai samada kajian yang dilakukan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kesimpulan kajian adalah dari kefahaman pengkaji sendiri terhadap dapatan yang diperolehi di akhir kajian ini yang memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai dapatan hasil ditemui serta akan membuat beberapa saranan bagi keberkesanan kursus literasi maklumat di kalangan pelajar.

Keseluruhannya modul literasi maklumat yang digunakan dalam kursus didapati relevan dan dapat membantu pengguna dalam pembelajaran, penyelidikan dan pengajaran. Ini dibuktikan peranan penceramah dalam penyampaian menunjukkan 95% atau 122 responden bersetuju menyatakan kepakaran dan pengetahuan penceramah menepati ekspektasi responden sebagaimana diperincikan dalam borang selidik oleh pengkaji seperti yang dijelaskan dalam Rajah 5.8. Dapatan dari kajian ini juga adalah selari dengan analisis daripada data sekunder yang menunjukkan tahap keberkesanan literasi maklumat terletak kepada kebolehpayaan penceramah, manakala factor keperluan sumber maklumat bagi tugas pembelajaran dan tahap celik maklumat yang lemah menjadikan faktor yang

mempengaruhi pengguna mengikuti kursus disamping kemudahan dan prasarana yang kondusif . Kefahaman pengguna mengaplikasi dan menilai sumber maklumat melalui modul kursus yang memberi peluang kepada pengguna untuk mempelbagaikan teknik pencarian adalah kesan yang diperolehi hasil dari mengikuti kursus ini. Dapatan ini selaras dengan pendapat Lim (2002), Curry (2001) & Carol (1996) tentang pendekatan literasi maklumat dapat memberi sumbangan positif dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman pelajar.

### **6.3 Cadangan**

Perenggan ini membincangkan cadangan hasil daripada kesimpulan kajian yang telah dibuat dalam perenggan 6.2 di atas. Pertama adalah beberapa cadangan peningkatan keberkesanan berpandukan kesimpulan kajian ini adalah berupa cadangan-cadangan penambaan adalah diharap akan membantu pihak-pihak berkaitan dan seterusnya dapat meningkat produktiviti dan objektif kualiti pelanggan seperti berikut ;

Membuat kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan selepas kajian ini sebagai saranan untuk memberi manfaat kepada pihak lain. Kajian-kajian yang dicadangkan adalah:-

i. Kajian kes boleh dilakukan. Kajian yang berbentuk kualitatif ini dapat memberi maklumat mendalam tentang sesuatu aspek yang ingin dikaji. Ini sejajar dengan matlamat asas kewujudan perpustakaan iaitu memelihara data sepanjang masa dan membantu mentransformasi maklumat dalam bentuk maklumat dan pengetahuan kepada pengguna.

ii. Kepada pihak yang berkaitan perlu mengambil langkah yang wajar untuk meningkatkan keberkesanan kursus literasi maklumat sedia ada dan cadangan masa depan kearah modernisasi dan globalisasi bagi mewujudkan kursus literasi maklumat secara atas talian sebagai medium yang terbaik agar pelajar tidak hanya bersemuka di dalam kelas dan lebih tertarik kepada rangkaian interaksi yang lain seperti *Facebook*, *Friendster* dan *Skype* yang lebih bersifat mesra pengguna serta elemen-elemen yang menarik perhatian pelajar. Menurut Tan Piaw Hua (2006), *e-learning* berpontesi untuk membuat proses belajar lebih efektif sebab peluang siswa untuk berinteraksi dengan pensyarah, rakan pelajar , mahupun bahan belajarnya terbuka lebih luas. Ini

mbolehkan pelajar boleh bertukar-tukar pandangan di dalam perbincangan yang mereka jalankan melalui setiap topik yang dibincangkan. .

## **RUJUKAN**

Atan Along (1998). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Bahagian Teknologi Pendidikan, Pengurusan Sumber Pendidikan (2013) diakses pada 2 September 2014

*<http://bibliografi.moe.edu.my/SumberPendidikan/index.php/faqs/213-literasi-maklumat.pdf>*

Bhasah (2007). Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Chua Yan Pua (2008). Analisis Statistik Kaedah Penyelidikan Buku 3. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.

Juhana (2000). Program literasi maklumat di Institusi Pengajian Tinggi dalam era digital. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia: Anjakan Paradigma, 23-24 Ogos, Kuala Lumpur .

Juhana et.al (2010). Kemahiran Maklumat : Teori dan Amalan. UTM, Skudai, Johor.

Kamus Dewan, 1997, Ed. Ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Maimunah Kadir & Mohd Sharif (2003) Kertas Kerja dibentangkan di 68<sup>th</sup> IFLA Council & General Conference, 18-24 Ogos, 2002, Glasgow.1

Mohammed Sani Ibrahim & Azizah Wati Mohd.Noor. (2000). Literasi maklumat dan kemahiran maklumat: Pembelajaran sepanjang hayat. *Jurnal Teknologi*, 33 (E). ms. 53 – 68.

Pustaka Negeri Sarawak (2012). Program kemahiran literasi maklumat. Diakses pada 02 September 2014 dari: [http://www.pustaka-sarawak.com/Pustaka-sarawak/perkhidmatan\\_kami.php?do=program\\_kemahiran\\_literasi\\_maklumat](http://www.pustaka-sarawak.com/Pustaka-sarawak/perkhidmatan_kami.php?do=program_kemahiran_literasi_maklumat)

Yazid Ibrahim (2012). *Kajian Kemahiran Literasi Maklumat di Kalangan Pengguna Perpustakaan Negara Malaysia* : Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia